

03/03/2000

Dr M, Pak Lah dicalon (HL)

Muhd Yusuf Abu Bakar

TAWAU, Khamis - Umno Tawau, bahagian pertama yang mengadakan mesyuarat perwakilan, hari ini sebulat suara mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempertahankan jawatan Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai calon Timbalan Presiden.

Bahagian itu bagaimanapun hanya menamakan dua calon bagi merebut tiga kerusi naib presiden iaitu Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

Pergerakan Pemuda, yang turut mengadakan persidangan perwakilan hari ini, mencalonkan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishamuddin Tun Hussein sebagai Ketua Pemuda dan Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir bagi jawatan naib ketua.

Wanita Umno bahagian itu pula mencalonkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz sebagai Ketua Wanita dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil untuk Naib Ketua.

Antara yang dicalonkan untuk kerusi Majlis Tertinggi (MT) ialah Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Zainal Abidin Zin, Datuk Dr Shafie Mohamed Salleh, Datuk Khalid Yunus, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Turut dicalonkan ialah Datuk Dr Suleiman Mohamed, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Azmi Khalid, Datuk Dr Affifuddin Omar, Datuk Nazri Abdul Aziz, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Datuk Shahrir Abdul Samad, Datuk Abu Zahar Isnin dan Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor.

Persidangan yang diadakan di Dewan Mesyuarat bahagian Tawau berjalan lancar walaupun beberapa hari sebelum ini, ada perwakilan dikatakan kurang puas hati kerana ia diadakan pada hari bekerja, bukannya hujung minggu.

Ketua Umno bahagian itu, Datuk Ghapur Mohd Salleh membentangkan senarai calon bagi jawatan Presiden, Timbalan Presiden dan ahli MT di hadapan perwakilan, yang serentak berdiri memberi persetujuan sebulat suara.

Ketika menemui pemberita selepas mesyuarat itu, beliau berkata keputusan sebulat suara yang ditunjukkan oleh perwakilan Umno Tawau patut menjadi contoh kepada bahagian lain yang akan bersidang tidak lama lagi.

"Sebelum senarai calon dibacakan, kita meminta semua perwakilan memberi persetujuan bagi pencalonan yang ditetapkan.

`Mulanya mereka angkat tangan untuk memberi sokongan tetapi saya tidak berpuas hati kerana mungkin ada bantahan.

"Saya meminta mereka semua berdiri sebagai sokongan sebulat suara.

"Semua perwakilan berdiri memberi sokongan.

"Ini menunjukkan perwakilan lebih mengutamakan perpaduan dalam parti daripada pertandingan yang boleh menyebabkan keretakan," katanya.

Seramai 470 perwakilan daripada 210 cawangan Umno di bahagian itu yang menamatkan mesyuarat cawangan berakhir minggu lalu, hadir dalam persidangan hari ini.

Umno bahagian itu turut mencalonkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah bagi jawatan Pengerusi Tetap dan Datuk Ampung Puyunbagi jawatan Timbalan Pengerusi Tetap.

Pergerakan Pemuda bahagian pula mencalonkan Datuk Khalid Yunus sebagai Pengerusi Tetap Pemuda dan Abdul Kadir Daud sebagai Timbalan Pengerusi Tetap.

Datin Paduka Zaleha Ismail dan Rosdianah Mohamed Noor pula masing-masing

mendapat pencalonan sebagai Pengerusi Tetap Pergerakan Wanita dan Timbalan Pengerusi Tetap pergerakan itu.